

BERITA

Hab Jagaan Bersepadu langkah penting hurai masalah kurang katil hospital: Ye Kung

Lebih 500 katil ditambah bagi tangani masalah kekurangan katil dalam sistem penjagaan kesihatan

► SITI AISYAH NORDIN
naisyah@sph.com.sg

Setelah pembukaannya tertangguh lebih setahun dek pandemik Covid-19, Hab Jagaan Bersepadu (ICH) Hospital Tan Tock Seng (TTSH) mula menerima pesakit pada Isnin selepas operasi dimulakan minggu lalu.

Kompleks pemulihan baru yang dibina bersebelahan Hospital Tan Tock Seng (TTSH) itu – dijangka dilancar secara rasmi pada 2024 – bertujuan memudahkan peralihan pesakit daripada penjagaan akut kepada penjagaan lanjut yang kurang memerlukan pemantauan dan seterusnya hingga pesakit pulih.

Ita juga merupakan langkah penting ke arah mempertingkat usaha menangani masalah kekurangan katil dalam sistem penjagaan kesihatan awam, menurut Menteri Kesihatan, Encik Ong Ye Kung.

Apabila selesai dibina, hab itu akan mempunyai sekitar 608 katil pesakit, ter-

masuk 300 katil bagi tujuan pemulihan dan 35 katil bagi mereka yang memerlukan jagaan paliatif, atau rawatan untuk mengurangkan sakit dan ketidaksesuaian dan bukan merawat penyakit.

Dalam ucapan yang disampaikan semasa kunjungannya ke hab itu pada Isnin, Encik Ong berkata:

“Dengan pembukaan ICH, kita mengambil langkah selanjutnya dalam usaha menangani isu kurangnya kapasiti katil yang dihadapi sistem penjagaan kesihatan awam kita sejakah ini.”

Menurutnya, projek infrastruktur ber-sku besar seperti Kampus Kesihatan Bersepadu Eastern dan pembangunan semula Hospital Alexandra akan meningkatkan kapasiti sistem penjagaan Singapura dan dijangka selesai menjelang 2030.

Dalam jangka masa pendek pula, pemerintah meneroka pelbagai cara untuk menambah jumlah katil bagi mempertingkatkan kapasiti menjelang akhir 2023, kata Encik Ong.

“Kami bertekad mengatasi isu ini, dengan membangunkan kapasiti dalam jang-

jangka pendek ini merangkumi 1,300 katil tambahan, ujarnya.

“Sejauh ini, kami telah menambah hampir 500 katil, termasuk 30 katil bagi jagaan akut, 90 katil hospital masyarakat, 20 katil bagi Penjagaan Pesakit Rawat Inap Mudah Alih di Rumah atau MIC@Home, dan sekitar 350 katil di rumah penjagaan.

“Kami kini berusaha ke arah menyediakan kapasiti tambahan ini pada akhir 2023. Kapasiti tambahan ini memerlukan lebih ramai tenaga kerja, dan MOH perlu terus memantau infrastruktur pembangunan dan aliran tenaga kerja bagi memastikan ia dapat terus meningkat selaras,” katanya.

Encik Ong turut menggesa warga Singapura supaya “bersabar” sedang pesakit di poliklinik dan hospital meningkat lebih tinggi berbanding sebelum pandemik.

“Dengan warga yang semakin menua, permintaan bagi khidmat penjagaan kesihatan juga semakin meningkat.

“Kami bertekad mengatasi isu ini, dengan membangunkan kapasiti dalam jang-



HAB BERSEPADU: Menteri Kesihatan, Encik Ong Ye Kung, (dua dari kanan) membuat kunjungan ke ICH-TTSH yang mula menerima pesakit pada Isnin. – Foto ZAOBAO

ka masa pendek dan sederhana, melatih lebih ramai tenaga kerja penjagaan kesihatan, dan menjalankan rancangan demi memastikan warga yang lebih sihat,” katanya.

ICH merupakan sebahagian daripada pembangunan HealthCity Novena, pelan induk yang dibentangkan lebih sedekad lalu.

HealthCity Novena, pembangunan seluas 17 hektar, turut merangkumi Pusat Nasional bagi Penyakit Berjangkit dan kampus Sekolah Perubatan Lee Kong Chian bertujuan mewujudkan ekosistem mini dalam sistem penjagaan kesihatan yang le-

bih luas di Singapura.

Memberikan fokus pada pemulihan, hab baru itu akan mempunyai persekutuan simulasi seperti perhentian bas dan rumah untuk membantu pesakit berlatih menjalani kehidupan tanpa bantuan.

Sebatas jambatan akan menghubungkan ICH dengan bangunan utama TTSH agar pesakit boleh dipindahkan dengan mudah antara kemudahan itu.

Pusat baru itu juga akan menyediakan pelbagai fungsi, daripada pengawasan kesihatan awam hingga pengurusan penyakit klinikal dan latihan karyawan kesihatan.

Pembinaan stesen MRT King Albert Park, Clementi bagi CRL mula suku pertama 2024



STESEN MRT CLEMENTI: Lakaran artis bagi stesen MRT Clementi di Laluan Rentas Pulau (CRL). Ia terletak bersebelahan persimpangan antara Commonwealth Avenue West dan Clementi Avenue 4. – Foto LTA

Pembinaan stesen MRT King Albert Park dan Clementi di Laluan Rentas Pulau (CRL) dijangka bermula pada suku pertama 2024 dan perkhidmatan penumpang untuk fasa kedua CRL (CRL2) dijangka bermula pada 2032.

Demikian menurut satu kenyataan dikeluarkan Pengguna Pengangkutan Darat (LTA) pada Isnin.

Stesen King Albert Park di CRL terletak di sepanjang Blackmore Drive berdekatan Bukit Timah Road dan stesen Clementi di CRL terletak bersebelahan persimpangan antara Commonwealth Avenue West dan Clementi Avenue 4.

Kontrak reka bentuk dan pembinaan stesen King Albert Park yang bernilai sekitar \$447 juta telah diberi kepada cawangan tem-

patan syarikat China Communications Construction Company Limited.

LTA berkata China Communications Construction Company Limited mempunyai rekod prestasi yang luas dalam melaksanakan projek reka bentuk dan bina di dalam dan luar negara.

“Syarikat itu kini terlibat dalam pembinaan stesen Tampines North di CRL, stesen Boon Lay di Laluan Daerah Jurong (JRL) dan jejabat dan terowong bagi Laluan Sistem Transit Laju (RTS) Johor Bahru-Singapura,” kata LTA.

Sementara itu, kontrak untuk reka bentuk dan pembinaan stesen Clementi yang bernilai sekitar \$514 juta telah diberi kepada cawangan tempatan China Commu-

nications Construction Company Limited dan cawangan tempatan syarikat Sinohydro Corporation Limited.

“Sinohydro Corporation Limited juga telah terlibat dalam pelbagai projek infrastruktur tempatan dan luar negara. Sinohydro Corporation membina stesen Napier di Laluan Thomson-East Coast (TEL) dan terlibat dalam pembinaan sejauh Pasir Ris East di CRL,” tambah LTA.

Menurut LTA, penumpang boleh menjangkakan masa perjalanan yang lebih singkat apabila melakukan perjalanan melalui CRL dari stesen King Albert Park atau stesen Clementi.

Sebagai contoh, penumpang boleh sampai ke stesen Jurong La-

ke District dari stesen King Albert Park dalam 15 minit, menjimatkan 20 minit.

Di samping itu, penumpang boleh sampai ke pusat bandar Ang Mo Kio dari stesen Clementi dalam 25 minit, menjimatkan 25 minit.

Pembinaan stesen King Albert Park dan stesen Clementi adalah sebahagian daripada CRL2. Diiumumkan pada September 2022, CRL2 yang sanggup sekitar 15 kilometer, terdiri daripada enam stesen – Turf City, King Albert Park, Maju, Clementi, West Coast dan Daerah Tasik Jurong.

Menurut LTA, kajian kejuruteraan untuk fasa ketiga CRL sedang dijalankan dan butiran lanjut akan diumumkan selepas kajian selesai.

ELD buat laporan polis ke atas Iris Koh, M Ravi terbit video pada tempoh bertengang

Penolong Pegawai Pilihan raya tidak dibenarkan semasa tempoh bertengang untuk membuat laporan polis terhadap Iris Koh, pengasas kumpulan anti-vaksin Healing the Divide, dan M Ravi, peguam yang digantung tugas, kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Akta Pilihan Raya Presiden (PrEA) semasa tempoh bertengang bagi Pilihan Raya Presiden 2023.

Jabatan Pilihan Raya (ELD) telah mengeluarkan peringatan tentang larangan mengenai aktiviti berkempen dan iklan Pilihan Raya semasa tempoh bertengang, melalui siaran akbar yang dikeluarkan sehari sebelum Hari Bertengang pada 30 Ogos 2023.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh ELD pada Isnin, Koh dan Ravi berulang kali menerbitkan iklan Pilihan Raya dalam talian semasa tempoh bertengang dengan kandungan yang boleh dianggap munasabah sebagai bertujuan untuk mempromosi atau menimbulkan prejudis terhadap seseorang calon Pilihan Raya Presiden atau untuk meningkatkan atau menimbulkan prejudis terhadap kedudukan seseorang calon.

Tempoh Bertengang bagi Pilihan Raya Presiden 2023 dimulakan dari Hari Bertengang pada 31 Ogos 2023, 12 tengah malam, dan berakhir pada Hari Mengundi, 1 September 2023, 8 malam. Untuk memberi masa kepada pengundi memikirkan tentang pilihan mereka, aktiviti berkempen

dan iklan Pilihan Raya 1 tidak dibenarkan semasa tempoh bertengang. Penerbitan iklan Pilihan Raya semasa tempoh bertengang adalah satu kesalahan di bawah seksyen 42C PrEA, jelas ELD.

“Pada Hari Bertengang, Koh telah menerbitkan dua salinan video di TikTok dengan kandungan sedemikian manakala Ravi telah menerbitkan video Koh dan tiga video di Facebook dengan kandungan sedemikian.

Pada Hari Mengundi, Ravi telah menerbitkan video kelima dan satu lagi catatan di Facebook, dengan kandungan sedemikian,” kata ELD.

Penolong Pegawai Pilihan raya telah mengeluarkan Arahan Pembetulan kepada TikTok dan Meta pada 31 Ogos dan 1 September 2023, untuk menghilangkan akses di Singapura kepada kedua-dua video Koh serta lima video dan satu catatan oleh Ravi. TikTok dan Meta telah mematuhi Arahan Pembetulan tersebut.

Menurut ELD, Penolong Pegawai Pilihan raya telah membuat laporan polis terhadap Koh dan Ravi bagi kemungkinan melakukan kesalahan di bawah Seksyen 42C Akta Pilihan Raya Presiden.

Mereka yang didapati bersalah menerbitkan kandungan pengiklanan pilihan raya semasa tempoh bertengang boleh didenda sehingga \$1,000 atau penjara tidak lebih 12 bulan, atau kedua-duanya.

Kerjasama pelbagai hala penting untuk semua negara hadapi cabaran global: Chee How

► IZWANDI AZMAN
izwandi@sph.com.sg

Kerjasama pelbagai hala bukan sahaja penting untuk negara kecil seperti Singapura, tetapi ia juga penting untuk negara besar kerana setiap negara menghadapi cabaran global, kata Menteri Negara Kanan (Pertahanan), Encik Heng Chee How.

Justeru, menurut Encik Heng, Singapura telah menjadi tuan rumah bagi beberapa Pusat Kecemerlangan untuk memudahkan perkongsian maklumat dan menggalakkan kerjasama pelbagai hala bagi menangani cabaran bersama.

Memetik dua contoh, beliau berkata: “Pertama, Pusat Gabungan Maklumat Angkatan Laut Republik Singapura (RSN) menganjurkan Latihan Perkongsian Maklumat Maritim

ke-8 pada Mei 2023 dan kita mempunyai peserta dari 29 negara.

“Melalui latihan ini, para peserta mengukuhkan hubungan operasi mereka dan bertukar-tukar amalan terbaik tentang cara menangani insiden keselamatan maritim.

“Kedua, Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan Asean (ADMM) dan Pusat Kecemerlangan Maklumat baru-baru ini telah pertama kali mengajurkan Simposium Pertahanan Digital untuk peserta Asean dalam sektor pertahanan untuk bertukar-tukar pandangan dan lebih memahami an-

caman siber dan maklumat dalam domain digital.”

Beliau berkata demikian semasa memberi ucapan pada majlis perasmian Program Asia-Pasifik ke-24 untuk Pegawai Kanan Tentera, atau AppsMo, di Hotel Grand Copthorne Waterfront pada Isnin.

Forum itu, yang berlangsung 2 hingga 5 Oktober, dianjurkan oleh Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS) dan bertujuan meningkatkan pengetahuan peserta tentang ehwal semasa dan kesannya terhadap angkatan tentera serta me-

nyediakan peluang rangkaian bagi pegawai kanan tentera.

“Seni bina keselamatan serantau kita yang terbuka dan inklusif, dengan Asean sebagai pusatnya, telah menyumbang kepada beberapa dekad keamanan dan kestabilan relatif di Asia-Pasifik.

“Ini telah menggalakkan negara di dalam dan sekitar rantau ini untuk melibatkan diri antara satu sama lain secara membina.

“Ia juga telah memudahkan dialog dan kerjasama, walaupun setiap negara mengalami pasang surut ini

diplomatik mereka dalam hubungan dua hala antara satu sama lain,” ujar Encik Heng.

Namun, Encik Heng berkata apabila kadar perubahan semakin pantas, negara-negara mudah menjadi tidak sabar dengan proses pelbagai hal tersebut.

Menurutnya, proses sedemikian sering mengambil masa yang lama, terutamanya jika perbezaan melibatkan isu-isu sukar mengenai kedaulatan dan integriti wilayah.

“Negara-negara mungkin hilang kepercayaan dan sebaliknya mem-

pertimbangkan bentuk penglibatan lain.

“Oleh itu, kita mestilah bekerjasama untuk memastikan seni bina keselamatan serantau kita kekal relevan, boleh disesuaikan dan berkesan di tengah-tengah realiti geopolitik yang berkembang,” jelasnya.

Justeru, Encik Heng menyarakkan ASEAN perlu mengikuti arus perkembangan masa dan bersedia untuk menghadapi ancaman baru seperti keselamatan siber dan perubahan iklim.

Pada masa yang sama, beliau berkata tidak semua kepentingan keselamatan boleh ditangani melalui institusi sedia ada.

“Oleh itu, cara kedua adalah untuk menerapkan tahap fleksibiliti dalam seni bina keselamatan serantau kita supaya kerjasama melalui perkongsian baru boleh dilakukan,” tambah Encik Heng.